

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 13/6/2012
Hari: Rabu M/S: 11
Ruangan: RENCANA

IPT Malaysia, Indonesia mantapkan hubungan dua negara

HUBUNGAN Malaysia-Indonesia kembali tenang seketika selepas peristiwa tunjuk perasaan beberapa kumpulan rakyat Indonesia di kedutaan kita di Jakarta pada awal bulan Mei lalu. Para pemimpin perasasan menuduh kerajaan dan polis Malaysia mengancam keselamatan organ dua penjenayah Indonesia yang dituntut maut.

Walaupun kerajaan Indonesia, melalui kenyataan Menteri Luarinya, Dr. Marty Natalegawa menafikan kewujudan kes tersebut setelah autopsi kedua dipulangkan, isu ini segera disamaratakan seolah-olah mengancam kredibiliti kerajaan Indonesia sendiri.

Tetapi itulah Indonesia di zaman pasca Soeharto. Tunjuk perasaan atau lebih dikenali sebagai unjuk rasa adalah satu norma politik terkini masyarakat Indonesia atas nama demokrasi. Demokrasi yang total dan ala barat kononnya telah memberi nafas baru kepada politik Indonesia. Demokrasi juga kononnya mewakili kehendak majoriti rakyat sehingga pada sewaktu ketika wujud jenaka yang mengatakan Indonesia bukannya sedang mengalami proses demokrasi tetapi demokrasi (gila untuk bedemonstrasi).

Budaya inilah yang sedang dibawa dan dihiru oleh segelintir masyarakat Malaysia yang kononnya mewakili kehendak majoriti rakyat atas nama demokrasi. Tetapi pada hakikatnya mereka ini takut untuk mengikuti proses sebenar demokrasi lalu pilihan raya yang akan menunjukkan siapakah yang mewakili kehendak dan aspirasi rakyat.

Tetapi benarkah demonstrasi mewakili kehendak rakyat terutamanya di Indonesia? Mengapa demonstrasi planan dijadikan modal untuk menghentikan Malaysia sedangkan sudah ada saluran rasmi melalui jalur diplomatik yang telah dibina lebih kurang setengah abad yang lalu?

Peranan individu tertentu atau aktor bukan negara yang berkepentingan dilihat sangat mempengaruhi turun naiknya hubungan kedua-dua negara serantau ini.

Peranan individu seperti pemimpin dan



Kamariunizam Abdullah
Profesor di Pusat Pengajian Hal-ehwal Antarabangsa UUM-COLGIS, Universiti Utara Malaysia

pegawai negara memang mempunyai kesan ke atas kekrabatan sesuatu hubungan dua hala. Dalam hubungan Malaysia-Amerika Syarikat, misalnya, peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak begitu besar dalam menetapkan semula hubungan renggang kedua-dua negara semenjak krisis politik dan kewangan pada 1997.

Walaupun demikian, aktor-aktor politik mahupun bukan politik yang berkepentingan sebenarnya wujud di luar saluran rasmi hubungan kerajaan. Mereka ini boleh mempengaruhi hubungan kedua-dua negara. Mereka ini boleh dibagikan kepada dua - aktor yang mahu merapatkan kesefahaman dan juga aktor yang bersedia untuk menjahankan hubungan yang sekian lama terjalin.

Kebanyakan aktor di luar lingkungan politik seperti rakyat sama seperti kita mahukan hubungan yang terjalin berabad-abad lamanya dikokalkan. Kita mahu melancang ke Indonesia tanpa diganggu oleh retorik politik, tuntutan budaya mahukan cemilan demi cemilan. Sekarang terdapat banyak pencerobohan terus ke Indonesia sama ada melalui Penerbangan Malaysia, AirAsia, KLM Belanda, Kuwait Airways, Lion Air dan lain-lain.

Dengan adanya penerbangan langsung di merata Indonesia dari Medan ke Ujung Pandang telah membolehkan kita mengagumi bagaimana begitu banyaknya persamaan budaya yang kita warisi daripada makanan, ekspresi bahasa sehinggalah kepercayaan agama. Malah kebanyakan kita sebenarnya mempunyai asal usul dari kepulauan Indonesia dan berhasrat untuk mencari susur galur kita di sana.

Satu lagi golongan masyarakat yang mahukan kestabilan dalam hubungan Malaysia dan Indonesia adalah para peniaga besar se-

Tetapi benarkah demonstrasi mewakili kehendak rakyat terutamanya di Indonesia? Mengapa demonstrasi jalan dijadikan modal untuk menghentikan Malaysia sedangkan sudah ada saluran rasmi melalui jalur diplomatik yang telah dibina lebih kurang setengah abad yang lalu?

laysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Indonesia (UI) misalnya, sedang menjalankan kajian terperinci mengenai persepsi masyarakat dan peranan media dalam hubungan dua hala.

Kapada dua tahun ini bertajuk Konflik dan Kesenjangan Hubungan Malaysia-Indonesia mengkaji mengapa wujudnya permasalahan persepsi masyarakat kedua-dua negara dan apakah peranan yang dimainkan oleh media.

Mengapakah media terutamanya di Indonesia bertindak seolah-olah membakar jambatan hubungan kedua-dua negara? Ini bagai manapun bukannya satu-satu projek yang sedang dijalankan.

Universiti Malaya (UM) dan Universitas Al-langa juga mengadakan persidangan bersama setiap tahun bagi merapatkan hubungan akademik dan mencari jalan untuk menyemarakkan hubungan masyarakat di kedua-dua negara. Ini belum lagi beberapa inisiatif lain antara UKM dan Universiti Padjajaran Bandung (UNPAD) yang telah terjalin lebih 20 tahun lamanya.

Malangnya usaha-usaha murni ini sering disabotaj oleh mereka yang mahu menjahankan hubungan Malaysia-Indonesia. Mereka gembira apabila sebilangan rakyat Indonesia melontarkan najis di depan Kedutaan Malaysia di Jakarta, membakar Jalur Gemilang dan mengancam untuk mengisytiharkan Malaysia dari bumi mereka.

Mereka ini akan tersenyum puas apabila berjaya mempengaruhi pemikiran ahli-ahli politik besar di Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) atau Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) Indonesia untuk sama-sama me-

ngancam Malaysia bila mana timbulnya isu-isu sensitif.

Media Indonesia yang dikatakan bebas dijadikan kua tandingan untuk mencapai agenda politik mereka. Malah mereka ini telah menggunakan beberapa tokoh akademik yang disegani di Indonesia untuk tenis menganyang Malaysia.

Sekiranya tidak ada serangan kebangsaan di kalangan ahli politik Malaysia yang mahukan satu kesetiaan hubungan kedua-dua negara. Jika kita lihat di Indonesia, semangat nasionalisme mereka begitu mempertahankan hak dan kedaulatan negara. Mereka amat pantang jika negara mereka dipedelekehkan. Beberapa kumpulan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia nampaknya mengikut rentak politik Malaysia yang mahukan hubungan dua negara ini sentiasa meruncing.

Di Indonesia, walaupun wujud kumpulan NGO yang begitu kritical dengan kerajaan, tetapi mereka tidak pernah cuba untuk menjatuhkan negara di dunia luar. Tujuan mereka hanya untuk mempertahankan hak dan martabat bangsa Indonesia.

Tetapi di Malaysia, maruah dan martabat negara bukan sahaja dijaja tetapi masyarakat kita diabaikan demi kepentingan peribadi. Inilah Malaysia yang kita sanjung apabila segelintir masyarakat dalam negara ini begitu berbangga dengan hak dan kebebasan sehingga sanggup menjual nama negara.

Sesungguhnya mereka ini adalah elemen subversif yang tidak seharusnya bebas dan berinteraksi dengan masyarakat Malaysia yang cintakan keamanan.

Mereka ini patut diperangi! Adalah dihalalkan kumpulan ini sedang merangka satu lagi strategi yang akan mengadu domba masyarakat kedua-dua negara dalam beberapa ketika ini. Lihat selah nanti.

DR. KAMARIUNIZAM ABDULLAH ialah Profesor di Pusat Pengajian Hal-ehwal Antarabangsa UUM-COLGIS, Universiti Utara Malaysia.